



**SIARAN AKHBAR  
PROJEK KASIH ORANG KELAINAN UPAYA (OKU):  
RAMADHAN DAN AIDIL FITRI 2018**

**Bandar Seri Begawan, Khamis, 26 April 2018** - Projek Kasih Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan projek pengumpulan sumbangan daripada orang ramai yang berupa makanan dan minuman untuk keperluan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri bagi murid-murid dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia serta klien-klien OKU yang susah setiap menjelang bulan Ramadhan.

Projek ini merupakan projek tahunan yang berterusan dan kali ketiga dijalankan oleh Unit Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Bahagian Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat di seluruh cawangan Pusat Bahagia di daerah-daerah.

Objektif projek ini dijalankan adalah untuk meningkatkan semangat kesukarelawan orang ramai terutamanya golongan belia-belia di Negara Brunei Darussalam agar sama-sama memedulikan hal ehwal warga OKU sambil memenuhi elemen 'komuniti', memberikan keceriaan dan menanamkan rasa penerimaan OKU di dalam masyarakat terhadap warga OKU.

Projek ini juga memberikan peluang kepada orang ramai untuk membantu golongan OKU dan sekaligus beramal di bulan yang mulia dengan mengumpulkan sumbangan berupa makanan asasi dan keperluan alat bantu bersama Persatuan Sukarelawan OKU supaya dapat saling bantu-membantu meringankan beban individu-individu OKU yang berdaftar di bawah senarai PDK yang mempunyai keluarga yang kurang berkemampuan agar mereka dapat menikmati beramal di bulan Ramadhan serta persiapan Aidilfitri.

Bagi membantu meringankan beban warga OKU yang susah, Bahagian Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat mengalu-alukan penglibatan orang ramai untuk memberikan sumbangan. Tarikh pengumpulan sumbangan akan bermula pada 1 Mei 2018 hingga 20 Mei 2018 iaitu selama 20 hari.

Antara barang-barang sumbangan yang diperlukan adalah makanan dan minuman untuk keperluan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri (kuih-muih dan kek Hari Raya, biskut dan minuman), makanan asasi (beras, tepung, makanan dalam tin), minuman (air mineral, 3-in-1, teh, kopi, nescafe, milo), keperluan alat bantu seperti lampin dewasa (*adult diapers*), kerusi roda (*wheelchair*) dan kerusi mandi (*commode chair*).

Orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan bolehlah hantar ke mana-mana cawangan daerah Pusat Bahagia di alamat seperti berikut:

Pusat Bahagia Brunei Muara,  
Jln Kebangsaan Kampong Pulaie, Bandar Seri Begawan  
Tel: 2330315

Pusat Bahagia Eric Goh  
Jln. Pandan 5, Kuala Belait  
Tel: 3331827

Pusat Bahagia Tutong  
Spg.172 No.373, Rumah Kelas 'B'  
Tel: 4220264

Pusat Bahagia Temburong  
No.707B, Rumah Kelas 'F'  
Tel: 5221643

Atau jika ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai projek sumbangan ini, boleh berhubung dengan pihak Pusat Bahagia semasa waktu pejabat melalui panggilan telefon: Pusat Bahagia Brunei Muara di talian telefon 2330315, Pusat Bahagia Eric Goh Kuala Belait di Daerah Belait di talian telefon 3331827, Pusat Bahagia Daerah Tutong di talian telefon 4220264 dan Pusat Bahagia di Daerah Temburong di talian telefon 5221643 .

### Tamat###

*Disediakan oleh:  
Bahagian Perhubungan Awam, Sumber dan Sukarelawan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*